

TEKS UCAPAN

**YB DATUK ARTHUR JOSEPH KURUP
TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA**

**MAJLIS PENGANUGERAHAN & PENCAPAIAN CEMERLANG
QLASSIC DAN SHASSIC 2021**

**PUSAT KONVENSYEN CIDB MALAYSIA
14 DISEMBER 2021**

(Salutations to be provided on event day)

Para tetamu yang dihormati,
Wakil-wakil media,
Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,
Selamat pagi dan Salam Sejahtera.

1. Di pagi yang mulia ini, saya berbesar hati kerana berpeluang untuk bersama-sama para hadirin sekalian untuk meraikan Hari QLASSIC (*Sebutan: Q – lasik*) dan SHASSIC (*sebutan: Syasik*) 2021 anjuran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).

2. Syabas saya ucapkan kepada CIDB kerana menganjurkan **Majlis Penganugerahan & Pencapaian Cemerlang QLASSIC dan SHASSIC 2021**. Majlis pengiktirafan seumpama ini amat penting menggalakkan lebih ramai penggiat industri pembinaan untuk mendapatkan penilaian kualiti dan keselamatan mengikut Construction Industry Standard yang ditetapkan dan seterusnya meningkatkan prestasi sektor pembinaan secara keseluruhannya di dalam kualiti hasil kerja dan memelihara kesihatan dan keselamatan di tapak bina.

3. Saya yakin acara seperti ini berupaya menggalakkan lagi saingan sihat di antara penggiat industri dalam meningkatkan pencapaian mereka dari segi kualiti dan juga keselamatan di dalam projek pembinaan.

Dasar Pembinaan Negara 2030 (NCP2030)

Tuan-tuan dan puan-puan,

4. Kita semua sedia maklum bahawa Dasar Pembinaan Negara (NCP) 2030 baru sahaja dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 9 November lepas bersempena dengan Minggu Pembinaan Antarabangsa (ICW) 2021 yang diadakan secara maya.

5. NCP yang bertemakan Pendigitalan Industri Pembinaan merupakan satu dasar yang bertujuan memperkasakan lagi sektor pembinaan negara dengan penggunaan teknologi kearah pembinaan yang lebih lestari dan mampan, selamat dan berkualiti tinggi.

6. NCP mempunyai enam teras utama iaitu:

- a. Teras 1: Memperkasakan Kualiti dan Keselamatan dalam
mempertingkatkan prestasi projek di dalam sektor pembinaan
- b. Teras 2: Penerapan Persekitaran Pembinaan yang Lestari
- c. Teras 3: Tingkatkan Produktiviti Pembinaan
- d. Teras 4: Perkukuhkan Penyelenggaraan Infrastruktur
- e. Teras 5: Perkukuhkan Pengantarabangsaan dan Perdayasaingan
- f. Teras 6: Perkukuhkan Tadbir Urus dan Penerapan Amalan Terbaik

7. Di dalam Teras pertama, iaitu memperkasakan Kualiti dan Keselamatan dalam di dalam sektor pembinaan, NCP2030 telah menggariskan bahawa penilaian QLASSIC merupakan satu kaedah yang diiktiraf dalam menilai kualiti hasil kerja sesebuah projek pembinaan bangunan.

8. Sementara itu, teras pertama NCP juga menggariskan SHASSIC sebagai kaedah penilaian yang diiktiraf bagi memperkukuhkan amalan keselamatan dan

kesihatan pekerjaan di tapak bina sejajar dengan penguatkuasaan undang-undang serta peraturan yang berkaitan.

9. Selain NCP 2030, program QLASSIC ini juga telah digariskan sebagai satu penilaian wajib bagi kesemua projek perumahan awam dan swasta melalui Dasar Perumahan Negara (DPN) yang dikeluarkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Dasar Perumahan Mampu Milik (DRMM) yang dikeluarkan oleh kementerian yang sama juga telah mewajibkan penilaian QLASSIC dilakukan ke atas semua Projek Perumahan Mampu Milik di seluruh negara.

Pencapaian QLASSIC

Para hadirin sekalian,

10. Sejak 2016 hingga 2020, sebanyak 1699 projek telah dinilai menggunakan QLASSIC, kebanyakannya terdiri daripada projek swasta iaitu 1410 projek berbanding projek kerajaan, 289 projek. Daripada jumlah tersebut, 42 projek telah berjaya mendapat markah antara 85-100%.

11. Untuk tahun 2020, skor purata penilaian QLASSIC telah meningkat berbanding tahun 2019, iaitu daripada 69 peratus kepada 71 peratus, manakala skor tertinggi setakat tahun 2020 adalah 90 peratus, iaitu skor tertinggi QLASSIC yang pernah dicapai. Tahniah kepada projek yang berjaya!

12. Disebabkan peningkatan skor QLASSIC dari tahun ke setahun, CIDB telah menetapkan hanya projek yang menerima markah 85 dan ke atas sahaja yang akan menerima anugerah pengiktirafan QLASSIC bermula tahun 2019. Seramai 16 kontraktor dan 14 pemaju akan menerima pengiktirafan untuk 17 projek pembinaan bangunan yang telah dinilai pada tahun 2020.

Pencapaian SHASSIC

13. Bagi penilaian SHASSIC pula, sejak 2016 hingga 2020, sebanyak 1,031 projek telah dinilai iaitu 788 projek swasta dan 243 projek kerajaan. Pada tahun 2020, sebanyak 100 projek telah dinilai dan 40 projek berjaya menerima pengiktirafan 5 bintang SHASSIC. Pada hari ini, seramai 26 kontraktor dan 31 pemaju yang terlibat dengan projek-projek ini akan menerima pengiktirafan kecemerlangan.

14. Setinggi-tinggi tahniah saya ucapkan kepada semua penggiat industri pembinaan yang bakal menerima pengiktirafan kecemerlangan untuk pencapaian QCLASSIC dan SHASSIC. Saya berharap agar lebih ramai lagi penggiat industri mendapatkan penilaian QCLASSIC dan SHASSIC, sekali gus mempertingkatkan kualiti hasil kerja serta tahap kesihatan dan keselamatan di dalam industri pembinaan negara.

Penutup

Para hadirin sekalian,

15. Pencapaian yang membanggakan di dalam penilaian QCLASSIC dan SHASSIC ini menunjukkan bahawa penggiat industri di negara kita berupaya melaksanakan projek-projek pembinaan dengan menitik beratkan kualiti hasil kerja, selain memastikan semua garis panduan kesihatan dan keselamatan di tapak bina di patuhi.

16. Untuk Malaysia mencapai status negara maju, negara kita memerlukan peningkatan komitmen terhadap kaedah pembinaan yang lebih berkualiti, selamat dan lebih mampan. Ini bukan sahaja membolehkan kita berjaya diperingkat domestik, malah ia menunjukkan keupayaan kita untuk turut bersaing di peringkat global.

17. Dengan kata-kata tersebut, saya dengan sukacitanya merasmikan Hari QCLASSIC dan SHASSIC 2021.

Sekian, terima kasih. ###